

**SYARAT-SYARAT LESEN PERNIAGAAN PENGENDALIAN
PELANCONGAN DAN AGENSI PENGEMBARAAN**

1. Tempoh Lesen

Lesen perniagaan pengendalian pelancongan ini **sah** untuk tempoh masa sepekimana yang **dinyatakan di dalam lesen sahaja**.

2. Mempamerkan Lesen dan Pelekat

Lesen dan pelekat perniagaan hendaklah **dipamerkan di tempat yang mudah** dilihat di pejabat utama/pejabat-pejabat cawangan.

3. Jenis Perniagaan Dibenarkan

Syarikat/Pemegang lesen hanya **dibenarkan** mengendalikan perniagaan di bawah nama dan bidang yang dinyatakan dalam lesen sahaja.

4. Keahlian Mana-Mana Persatuan Pelancongan Yang Diiktiraf Oleh Kementerian Pelancongan

Syarikat/Pemegang lesen hendaklah menganggotai mana-mana persatuan pelancongan yang diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan Malaysia termasuk MATTA, BUMITRA, MCTA, MITA (Indian), MITA (Inbound) dan CRAM.

5. Perubahan Kedudukan Status Syarikat

Syarikat/Pemegang lesen hendaklah memaklumkan **Pesuruhjaya Pelancongan** dalam tempoh empat belas (14) hari selepas membuat apa-apa perubahan berikut:-

5.1 Perubahan kepada **Nama Syarikat, Syer Modal, Pemegang Saham atau Lembaga Pengarah**.

5.2 Perubahan kepada **Lokasi premis perniagaan**.

6. Memperbaharui Semula Lesen

Permohonan untuk memperbaharui semula lesen hendaklah dikemukakan kepada Pesuruhjaya Pelancongan sekurang-kurangnya enam puluh (60) hari sebelum habisnya tempoh lesen tersebut.

7. Penyiaran Iklan Perniagaan

Sebarang bentuk iklan yang berkaitan dengan perniagaan pelancongan hendaklah **memasukkan nombor lesen, nama dan alamat lengkap** perniagaan serta butir-butir perkhidmatan pelancongan.

8. Syarat Hadir Kursus Bagi Kelulusan Lesen Baru dan Pembaharuan Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan

Syarikat/Pemegang lesen hendaklah membenarkan mana-mana pegawai/kakitangan pihak pengurusan menghadiri kursus yang dianjurkan oleh wakil Kementerian bagi memenuhi syarat kelulusan lesen baru dan pembaharuan lesen.

9. Kontrak dengan Syarikat Pelancongan Asing

Syarikat/Pemegang lesen hendaklah memberitahu Pesuruhjaya Pelancongan mengenai apa-apa kontrak yang dibuat dengan mana-mana pengendalian pelancongan atau agensi pengembalaan asing dalam masa tiga puluh (30) hari daripada tarikh kontrak dan memberi kepada Pesuruhjaya apa-apa butir mengenai kontrak sebagaimana dikehendaki.

10. Kursus Latihan Pemandu Pelancong

Syarikat/Pemegang lesen hendaklah membenarkan mana-mana pemandu pelancong berlesen yang diambil bekerja untuk menghadiri apa-apa kursus latihan lanjutan atau ujian kecekapan lanjutan sebagaimana dikehendaki oleh Pesuruhjaya Pelancongan.

11. Hubungan Perniagaan dengan Syarikat Pelancongan Tanpa Lesen

Syarikat/Pemegang lesen adalah dilarang daripada membuat apa-apa perhubungan/urusian perniagaan dengan mana-mana syarikat yang menjalankan perniagaan pengendalian pelancongan atau perniagaan agensi pengembalaan tanpa lesen.

12. Memaklumkan Perubahan Komposisi Pegawai/Kakitangan

Syarikat/Pemegang lesen hendaklah tempoh empat belas hari (14) memberitahu Pesuruhjaya Pelancongan mengenai apa-apa perubahan dalam komposisi pegawai-pegawainya yang memegang jawatan pengurusan, eksekutif atau kakitangan lain.

13. Tanggungjawab Ke Atas Pegawai/Kakitangan Syarikat

Syarikat/Pemegang lesen hendaklah **tidak membenarkan** pegawai/kakitangan berlainan jantina termasuk pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran berkongsi bilik penginapan semasa mengendalikan pakej pelancongan.

14. Tanggungjawab Syarikat/Pemegang lesen Mengendalikan Pakej Pelancongan:

14.1 Menyatakan dengan jelas sekurang-kurangnya satu dokumen berhubungan dengan apa-apa pelancongan, apa-apa fee pengkengselan yang dikenakan bagi mana-mana tempahan

- yang dikenselkan dan terma-terma serta syarat-syarat dalam bahasa kebangsaan atau bahasa lain dan hendaklah memastikan bahawa dokumen itu diberikan kepada pelanggan pada masa tempahan dibuat;
- 14.2 Sekiranya terdapat apa-apa perubahan kepada brosur-brosur pelancongan yang diiklankan atau tempahan yang telah dibeli oleh pelanggan, hendaklah memberikan pelanggannya pilihan samada menerima atau mengkensel tempahannya. Jika pelanggan untuk mengkensel tempahannya, syarikat/pemegang lesen hendaklah dengan serta-merta mengembalikan apa-apa jua wang yang telah dibayar oleh pelanggan berkenaan dengan tempahan itu dan tidak mengenakan apa-apa fee pengkenselan;
- 14.3 Menggunakan khidmat seorang pemandu pelancong berlesen;
- 14.4 Hendaklah memohon kepada Pesuruhjaya Pelancongan untuk tidak menggunakan khidmat seorang pemandu pelancong berlesen dan hendaklah membayar fi pemprosesan sebanyak dua puluh ringgit bagi setiap satu permohonan tersebut;
- 14.5 Tidak boleh menerima atau meminta daripada mana-mana orang apa-apa saraan, bayaran atau komisen untuk membawa, ke premis orang itu atau mana-mana orang lain, mana-mana pelancong atau mana-mana orang lain bagi maksud membeli-belah;
- 15. Tanggungjawab Syarikat/Pemegang Iesen Mengendalikan Pakej Pelancongan Ke Luar Negara:**
- 15.1 Hendaklah menawarkan Pelan Perlindungan Asas Pelancongan (insurans) secara sukarela kepada pelanggan dan hendaklah membeli polisi insurans bernilai ringgit Malaysia satu ratus ribu (RM100,000);
- 15.2 Mendepositkan dengan Pesuruhjaya Pelancongan wang tunai sejumlah ringgit Malaysia dua puluh ribu (RM20,000) atau memberi Pesuruhjaya Pelancongan jaminan bank sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga sebanyak amaun ringgit Malaysia satu ratus ribu (RM100,000) bagi maksud pampasan atau bayaran balik untuk perlindungan pelancong ke luar negeri;
- 15.3 Hendaklah menggunakan Terma dan Syarat Seragam untuk Pakej Pelancongan Ke Luar Negeri sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat, dan terma dan syarat seragam itu hendaklah dicetak pada semua brosur pelancongan;

15.4 Hendaklah menanggung liabiliti sekiranya melanggar terma dan syarat yang dinyatakan dalam brosur pelancongan dan mesti membayar pampasan atau membuat bayaran balik mengikut terma dan syarat tersebut.

16. Mematuhi Peraturan 6 (1A) Pengendalian Pakej Umrah atau Ziarah

Syarikat/Pemegang lesen yang mengendalikan pekej Umrah atau Ziarah hendaklah mematuhi Peraturan 6(1A) Syarat-syarat lesen di bawah Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengambaraan) di bawah Akta Industri Pelancongan 1992.

17. Kehilangan dan Kemusnahan Lesen

Jika lesen hilang atau musnah, syarikat hendaklah dengan serta merta mengemukakan surat kepada Pesuruhjaya Pelancongan mengenai kehilangan atau kemusnahan itu dan permohonan untuk suatu lesen baru sebagai gantian.

18. Perberhentian Perniagaan

Sekiranya perniagaan diberhentikan, lesen hendaklah dikembalikan kepada Pesuruhjaya Pelancongan berserta dengan suatu notis bertulis mengenai penyerahan balik lesen mengenai cadangan untuk menamatkan perniagaan.

19. Pengembalian Lesen

Sekiranya syarikat telah gagal memperbaharui lesen perniagaan pengendalian pelancongan melebihi tempoh 60 hari selepas lesen tamat, lesen syaikat telah terbatal dengan sendirinya dan dikeluarkan dari rekod Kementerian Pelancongan Malaysia sebagai syarikat berlesen. Dengan ini, syarikat hendaklah dengan serta-merta mengembalikan lesen perniagaan tersebut kepada pihak Kementerian.

20. Penubuhan Pejabat Cawangan

Syarikat hendaklah mengemukakan permohonan bagi mendapatkan lesen tambahan sebelum menubuhkan pejabat-pejabat cawangan.

Dengan Perintah,

**PESURUHJAYA PELANCONGAN
KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA**